

Negara Islam boleh maju, bersaing: Dr Mahathir

BH-1/12/2019

PM mahu rakyat capai kemajuan
elak daripada ditindas, dizalimi

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bh.com.my

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam kelihatan menahan sebak apabila berbicara mengenai negara Islam yang gagal mencapai kemajuan sehingga tidak dapat melindungi agama dan umat Islam daripada ditindas dan dizalimi.

Sambil menegaskan Islam tidak melarang umatnya mencapai kemajuan di dunia, Perdana Menteri berkata negara Islam mempunyai kebolehan dan mampu bersaing dengan negara maju lain tetapi tidak mempunyai kemahuan untuk melakukannya.

“Kita tidak mampu melindungi umat dan negara Islam. Sebab apa tidak mampu? Sebab kita lemah dari segala sudut.

“Negara Islam kadang-kadang diberi kekayaan yang luar biasa, itu pun kita lemah kerana kita kurang cekap dengan pentadbiran.

“Kita pula tiada kelebihan tertentu untuk melengkapkan diri dengan kebolehan mempertahankan umat Islam,” katanya berucap pada Mesyuarat Agung Tahunan

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Ke-58, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Naib Yang Dipertua 1, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Setiausaha Agung PERKIM, Tan Sri Dr Mohd Yusoff Noor.

Dr Mahathir berkata, ada orang Islam mengikut pemimpin tanpa mematuhi kehendak agama sendiri dengan merosakkan negara.

Sambil menyatakan beliau tidak mempunyai banyak masa lagi, Perdana Menteri berkata beliau akan memastikan kerajaan akan menadbir negara dengan baik.

“Saya ingin jelaskan di sini bahawa kita mampu bersaing dengan baik. Yang menjadi halangan kepada kita ialah tiada kemahuan dan bukannya tidak ada kebolehan.

“Kita adalah sama dengan orang asing dari segi kebolehan akal fikiran dan sebagainya tetapi kita tidak menggunakan kurniaan Allah kepada kita dengan cara yang baik, dengan cara yang membolehkan melindungi agama Islam,” katanya.

Dr Mahathir berkata, banyak



Dr Mahathir membuat undian pada Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Peringkat Kebangsaan Ke-58 di Petaling Jaya, semalam.
(Foto Mahzir Mat Isa /BH)

Kita adalah sama dengan orang asing dari segi kebolehan akal fikiran dan sebagainya tetapi kita tidak menggunakan kurniaan Allah dengan cara yang baik.

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

konflik yang membabitkan orang Islam seperti di Myanmar dan Asia Barat ketika ini boleh diselesaikan jika kembali kepada ajaran sebenar berpandukan kepada al-Quran.

Justeru, beliau berharap umat Islam mengambil iktibar daripada nasib yang menimpa saudara mereka di negara lain dengan mengikuti ajaran Islam sebenar bagi membina kekuatan ummah.

“Saya harap kita di sini mengambil peringatan. Saya sedar sudah cakap banyak kali berkenaan perkara ini tetapi apa yang saya lihat adalah selepas ucapan panjang lebar berkenaan apa kelemahan kita dan bagaimana atasi kelemahan ini, kalau ada soal jawab mereka akan tanya bila nak ada rombakan Kabinet.

“Macam tak masuk akal lang-

sung mereka tanya pasal benda remeh temeh seperti apakah abu Chin Peng boleh bawa masuk atau tidak? Apakah itu boleh tentukan nasib orang Islam? Nasib orang Islam bergantung kepada kita amalkan ajaran Islam yang sebenar,” katanya.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata negara Islam boleh membuat pakatan bagi mencapai kemajuan, sekali gus membantu umat Islam.

Katanya, pada masa ini negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) tidak mencapai persetujuan dalam pelbagai perkara.

“Kita sudah ada OIC tetapi kita tidak boleh bersetuju, sebab itu kita mungkin terpaksa ada pakatan dalam jumlah yang kecil, dua, tiga atau empat negara untuk cuba mencari kemajuan,” katanya.